

Usaha 3 hari UTHM berbaloi

Arca formasi kerepek terbesar hasilan warga UTHM catat Malaysia Book of Records

BATU PAHAT – Seramai 100 mahasiswa dan kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) bekerjasama membentuk arca formasi kerepek terbesar.

Lebih membanggakan lagi, gabungan mahasiswa dan kakitangan UTHM itu berjaya memecah rekod sekaligus mencatat nama di dalam Malaysia Book of Records (MBOR)

Sekretariat Media, Julina Zainal berkata, susunan arca berkenaan mengambil masa tiga hari untuk disiapkan menggunakan pelbagai jenis kerepek yang membentuk perkataan 1Malaysia.

"Warna yang digunakan adalah warna asas bendera Malaysia yang juga logo 1Malaysia iaitu merah, kuning dan biru, serta dilakukan dengan penuh teliti.

"Program Formasi Kerepek Terbesar ini berjaya mencipta sejarah baru bagi UTHM kerana saiznya yang sebesar 28.38 meter x 13.95 meter telah meletakkan nama UTHM dalam MBOR.

"Idea membuat formasi kerepek ini terhasil berikutan kampus induk yang terletak di Parit Raja, Batu Pahat terkenal dengan pelbagai jenis kerepek yang dapat diperolehi di kawasan ini selain dapat mengeratkan hubungan antara kakitangan dan mahasiswa UTHM," katanya kepada *Sinar Harian*, di Dewan Terbuka UTHM, baru-baru ini.

Menurut Julina, dengan gabungan pelbagai jenis kerepek dan warna yang dikumpulkan oleh peserta, ia menunjukkan hubungan yang erat antara satu sama lain.

"Melalui acara ini ia sedikit sebanyak mencungkil bakat terpendam dan menunjukkan kreativiti peserta bagi menghasilkan satu bentuk arca kerepek yang unik.

"Arca ini juga antara tarikan yang menunjukkan daerah ini adalah destinasi jualan kerepek berkualiti serta bermutu setanding dengan keluaran negeri lain, yang sememangnya popular.

"Diharapkan objektif pengumuman acara ini dapat diingati semua dan ia juga sebagai perintis kepada warga UTHM yang lain untuk mencipta nama dalam MBOR.

"Saya harap usaha seperti ini tidak terhenti di sini sahaja, dan akan lebih ramai yang mampu memecah rekod serta membanggakan UTHM selepas ini," katanya.



Sebahagian warga UTHM yang terlibat dalam pembinaan arca kerepek bertungkus-lumus menyiapkannya.